

Singapore Government

PRESS RELEASE

Media Division, Ministry of Information and the Arts, #36-00 PSA Building, 460
Alexandra Road, Singapore 119963. Tel: 3757794/5

=====

EMBARGO INSTRUCTIONS

The attached press release/speech is EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY.

Please check against delivery.

For assistance call 3757795

=====

SPRINTER 3.0, Singapore's Press Releases on the Internet, is located at:

<http://www.gov.sg/sprinter/>

=====

UCAPAN ENCIK MOHAMAD MAIDIN BIN PACKER MOHD DI SEMINAR PENDIDIKAN NASIONAL KELIMA
ANJURAN MESRA UNTUK PARA PEMIMPIN MASYARAKAT MELAYU DI ODITORIUM PA PADA 8 MAY 1999
JAM 2.30 ptg.

KEAMANAN KERANTAUAN MENJAMIN PERTUMBUHAN EKONOMI

Sahabat sahabat saya

Para Anggota parlimen

Tuan tuan dan Puan puan

National Archives of Singapore

MESRA menganjurkan seminar pendidikan nasional dua kali setiap tahun untuk
meningkatkan kesedaran para pemimpin masyarakat Melayu tentang cabaran, tanggungjawab
dan tugas kita rakyat Singapura dalam masyarakat majmuk. Tajuk seminar hari ini -
"Keamanan Kerantauan dan Kestabilan Untuk Pertumbuhan Yang Berterusan" - adalah
relevan bagi para pemimpin Melayu untuk memahami erti keamanan kerantauan yang
berteras pada perhubungan dua hal a yang boleh mewujudkan iklim yang sesuai bagi
pertumbuhan ekonomi .

Keadaan Ekonomi Kerantauan

2 Kawasan Asia telah melalui masa bergelora. Nilai matawang menurun. Bank dan
perniagaan gulung tikar mengakibatkan pemberhentian kerja dan pengangguran. Masalah
ekonomi ini di sambut pula dengan kegelisahan sosial dan politik.

3 Tabung matawang antarabangsa dan para pemimpin politik Singapura telah menyatakan bahawa saat paling buruk dalam krisis ekonomi ini telah berlalu.

4 Singapura juga turut terjejas dengan krisis ekonomi ini tetapi tidaklah sebegitu teruk berbanding dengan negara lain. Walaupun keadaannya muram tetapi pelabuhan, lapangan terbang dan mahkamah kita diberi markah terbaik menurut penilaian taraf dunia. Singapura juga telah diisytiharkan sebagai negara yang paling kurang kejadian rasuah. Ia mempunyai suasana perniagaan yang lebih liberal. Kita juga telah dapat mengekalkan kedudukan kita di tempat kedua sebagai negara yang paling berdayasaing di dunia. (Transparency 1)

5 Prestasi ekonomi bagi suku tahun pertama telah menunjukkan peningkatan dalam industri elektronik. Hasil dari itu pemberhentian kerja semakin kurang berlaku. Negara kita nampaknya akan dapat mencecah matlamat 7,500 juta dolar bagi pelaburan baru bagi tahun ini. (Transparency 2)

6 Negara jiran kita telah meraih sedikit kejayaan ekonomi. Fitch International Bank Credit Agency (IBCA) telah menempatkan kredit sovereign Malaysia pada taraf "gred pelaburan". Agensi agensi kredit telah memuji Malaysia dalam usahanya melonggarkan pengawalan modal.

7 Fitch IBCA juga telah menaikkan kedudukan matawang Indonesia ke taraf "mantap". Rupiah Indonesia telah menjadi kukuh pada kadar Rp 8,000 bagi US\$1.

Pentingnya Perhubungan Kukuh

8 Sedang keadaan ekonomi mula pulih di rantau ini, masanya juga telah tiba bagi kita mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau ini. Kita seharusnya meningkatkan jalinan hubungan dan bekerjasama dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara dan juga yang diluar kawasan ini untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi. Keadaan negara jiran yang aman dan sedia bekerjasama di kalangan negara-negara AEAN mencerminkan keadaan positif rantau ini. Para pelabur akan tertarik dengan rantau yang aman kerana mereka yakin dengan prasarana dan keselamatan para pekerja mereka untuk menjalankan perusahaannya dengan sangat selesa. Mereka mudah berulang alik dari tempat ke tempat dalam negara berjiran yang mempunyai hubungan mesra. Perindahan dana dan peralihan modal juga tidak terhalang.

9 Jalinan hubungan yang semakin harmonis sesama negara jiran di rantau ini akan mengembangkan perdagangan di kalangan mereka termasuk juga rantau lain seperti Kumpulan Ekonomi Eropah dan Amerika. Rakan dagangan kita dari negara luar akan lebih yakin bila berurusan dengan Kumpulan Asean yang kukuh dan bersatu.

10 Negara negara di rantau ini akan dapat meraih manfaat besar hasil dari perhubungan erat sesama kita. Perhubungan erat membawa kepada kerjasama. Masing masing negara boleh memilih pengkhususan yang mereka ada bagi menghasilkan barang dan perkhidmatan. Cara ini akan menghapuskan duplikasi serta persaingan yang tidak perlu.

11 Perhubungan yang mesra di kalangan negara rantau ini memperkuat kuasa tawar menawar secara bersama. Dengan demikian kedua-dua pihak akan meraih keuntungan.

12 Asean seharusnya mengambil langkah mengukuhkan kerjasama kerantauan supaya ekonomi kita akan pulih lebih cepat.

Perhubungan Singapura dengan Malaysia

13 Saya ingin tumpukan perhubungan Singapura dengan Malaysia dan Indonesia.

14 Perhubungan Singapura dengan Malaysia telah bertambah baik selepas melalui masa sukar tahun lalu. Sebagai contoh, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed telah menyatakan keyakinan bagi hubungan yang lebih licin antara Malaysia dan Singapura apabila beliau berada di Davos dalam bulan Januari lalu. (Transparency 3) Menteri Luar Malaysia Datuk Syed Hamid Albar telah berkali-kali menyatakan beliau berminat untuk mengadakan hubungan baik dengan Singapura dan akan mengutamakan usaha tersebut. (Transparency 4) Sementara itu pegawai dari Malaysia dan Singapura secara senyap-senyap telah mengadakan mesyuarat untuk menghuraikan isu-isu yang masih tertangguh (Transparency 5 -6).

15 Potensi untuk Singapura menjalin hubungan yang lebih erat dengan Malaysia sangat cerah kerana kita ada perhubungan dari segi sejarah, persaudaraan, persahabatan dan perniagaan. Singapura akan berusaha memupuk hubungan yang lebih baik dengan Malaysia atas dasar manfaat bersama, setaraf dan saling hormat menghormati kedaulatan masing-masing.

Perhubungan dengan Indonesia

16 Singapura sentiasa mengemukakan bantuan dan menjalin persahabatan dengan Indonesia walaupun terjadi pergeseran baru-baru ini susulan dari perletakan jawatan Presiden Suharto. Para pemimpin politik Melayu dan pertubuhan sukarelawan Singapura telah memberi reaksi keras terhadap kenyataan Presiden B.J. Habibie tentang kurangnya pegawai Melayu dalam SAF. (Transparency 7 - 9) Namun demikian para pemimpin Indonesia yang lain menunjukkan sikap positif terhadap Singapura.

17 Kita berharap Indonesia akan menjalani pemilu pada 7 Jun ini dengan berjaya. Kami akan terus berusaha mengukuhkan perhubungan dua hala dengan Indonesia serta kesatuan ASEAN. Kita yakin bahawa perhubungan Singapura - Indonesia akan juga berasaskan manfaat bersama, setaraf dan saling hormat menghormati kedaulatan masing-masing.